



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 825

**AKTA ANTIBERITA TIDAK BENAR
(PEMANSUHAN) 2020**

Tarikh Perkenan Diraja 20 Januari 2020

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 30 Januari 2020

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 825

AKTA ANTIBERITA TIDAK BENAR (PEMANSUHAN) 2020

Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2020.

Pemansuhan dan kecualian

2. (1) Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [*Akta 803*] dimansuhkan.

(2) Pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 tidak menjejaskan apa-apa perintah yang dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, apa-apa permohonan bagi suatu perintah di bawah Akta yang dimansuhkan yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini atau apa-apa prosiding berkenaan dengan permohonan itu yang belum selesai di bawah Akta yang dimansuhkan boleh diteruskan seolah-olah Akta yang dimansuhkan masih berkuat kuasa.

(4) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta yang dimansuhkan yang belum selesai di bawah Akta yang dimansuhkan boleh diteruskan seolah-olah Akta yang dimansuhkan masih berkuat kuasa.